

GREAT VOYAGER

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

8 Oktober 2018

Nota:

Anda dinasihatkan untuk membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan terma-terma serta syarat-syarat di dalam kontrak polisi terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk membeli produk ini.

1. Apakah Produk Ini?

Ini adalah polisi insurans perjalanan kemalangan peribadi di atas talian yang memberi pampasan atau/dan pembayaran balik kepada Orang yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan, penyakit atau kesulitan lain semasa perjalanan di luar atau dalam negara.

2. Apakah Jenis Perlindungan / Manfaat Yang Disediakan?

Manfaat yang dilindungi adalah berbeza mengikut situasi dan plan yang telah dipilih seperti yang tertera di dalam Jadual Manfaat di bawah.

Manfaat		Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Perjalanan Luar Negara		Perjalanan Domestik	
		Essential	Supreme		
A. Kemalangan Diri					
1	Kemalangan Maut	Setiap Individu yang Diinsuranskan (sehingga umur 70 tahun)	100,000	300,000	100,000
		Setiap Individu yang Diinsuranskan (Umur 70 tahun ke atas)	50,000	150,000	50,000
		Setiap Kanak-kanak	25,000	75,000	25,000
2	Hilang Upaya Kekal seperti dinyatakan dibawah, jika berlaku dalam tempoh 365 hari selepas kemalangan	% ke atas Jumlah Diinsuranskan Kemalangan Maut			
(i)	Lumpuh seluruhnya dan tidak dapat sembuh, tidak siaman seluruhnya dan tidak dapat sembuh atau kecederaan kekal menyebabkan terlantar di tempat tidur	100%	100%	100%	
(ii)	Kehilangan anggota tubuh pada paras atau atas pergelangan tangan atau buku lali	100%	100%	100%	
(iii)	Kehilangan daya penglihatan kedua-dua mata	75%	75%	75%	
(iv)	Kehilangan daya pendengaran kedua-dua telinga	50%	50%	50%	
(v)	Kehilangan daya pertuturan	50%	50%	50%	
(vi)	Kehilangan satu anggota tubuh pada paras atau atas pergelangan tangan atau buku lali	50%	50%	50%	
(vii)	Kehilangan daya penglihatan satu mata	50%	50%	50%	
(viii)	Kehilangan daya pendengaran satu telinga	25%	25%	25%	
3	Kemalangan Maut atau Hilang Upaya Kekal akibat	Setiap Individu yang Diinsuranskan (sehingga umur 70 tahun)	100,000	300,000	100,000

Manfaat		Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Perjalanan Luar Negara		Perjalanan Domestik	
		Essential	Supreme		
	Keganasan	Setiap Individu yang Diinsuranskan (Umur 70 tahun ke atas)	50,000	150,000	50,000
		Setiap Kanak-kanak	25,000	75,000	25,000
4	Dana Pendidikan Anak		5,000 setiap kanak-kanak sehingga 20,000	10,000 setiap kanak-kanak sehingga 40,000	Tidak Ada

B. Perubatan dan Perbelanjaan Lain

5.	Perbelanjaan Perubatan (Pembayaran balik untuk kos perubatan sebenar yang perlu dan wajar)	Setiap Individu yang Diinsuranskan (sehingga umur 70 tahun)	50,000	200,000	50,000
		Setiap Individu yang Diinsuranskan (Umur 70 tahun ke atas)	25,000	100,000	25,000
		Setiap Kanak-kanak	100,000	400,000	100,000
6.	Rawatan Susulan Perubatan dalam Malaysia (Pembayaran balik untuk rawatan susulan dalam tempoh 90 hari sekembali ke Malaysia)	Setiap Individu yang Diinsuranskan (sehingga umur 70 tahun)	10,000	30,000	Tidak Ada
		Setiap Individu yang Diinsuranskan (Umur 70 tahun ke atas)	5,000	15,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	30,000	90,000	Tidak Ada
7.	Perubatan Alternatif (Pembayaran balik untuk rawatan susulan oleh pengamal perubatan Cina, ahli fisioterapi atau perawat tulang belakang yang berdaftar)	Setiap Lawatan	Tidak Ada	80	Tidak Ada
		Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	1,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	3,000	Tidak Ada
8.	Manfaat Penjagaan Simpati (Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan tempat kediaman seorang saudara/kawan)	Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	7,500	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	22,500	Tidak Ada
9.	Penjagaan Kanak-kanak (Pembayaran balik untuk perbelanjaan perjalanan dan tempat kediaman seorang saudara/kawan)	Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	10,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	30,000	Tidak Ada
10	Elaun Hospital	Setiap Hari	Tidak Ada	300	Tidak Ada
		Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	10,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	30,000	Tidak Ada

C. Pemindahan Kecemasan Perubatan dan Penghantaran (oleh Asia Assistance Network)

11.	Pemindahan Kecemasan Perubatan dan Penghantaran Pulang	Setiap Individu yang Diinsuranskan (sehingga umur 70 tahun)	1,000,000	1,000,000	Tidak Ada
		Setiap Individu yang Diinsuranskan (Umur 70 tahun ke atas)	500,000	500,000	Tidak Ada

Manfaat			Jumlah Diinsuranskan (RM)		
			Perjalanan Luar Negara		Perjalanan Domestik
			Essential	Supreme	
12.	Penghantaran Pulang Mayat	Setiap Individu yang Diinsuranskan (sehingga umur 70 tahun)	1,000,000	1,000,000	Tidak Ada
		Setiap Individu yang Diinsuranskan (Umur 70 tahun ke atas)	500,000	500,000	Tidak Ada
D. Kesulitan Perjalanan					
13.	Kelewatan Bagasi <i>(Pembayaran balik untuk perbelanjaan pembelian kecemasan barang atau pakaian disebabkan kelewatan bagasi)</i>	Setiap Enam Jam Berturut-turut	200	200	200
		Setiap Individu yang Diinsuranskan	400	800	400
		Setiap Keluarga	1,200	2,400	1,200
14.	Kehilangan Bagasi/Barangan Milik Peribadi <i>(Ekses = RM50)</i>	Setiap Artikel	1,000	1,000	500
		Setiap Individu yang Diinsuranskan	2,000	6,000	1,000
		Setiap Keluarga	6,000	18,000	3,000
15.	Kehilangan Dokumen Perjalanan dan Wang Milik Diri <i>(Pembayaran balik kos untuk mendapatkan penggantian dokumen perjalanan yang berkaitan)</i> <i>(Perlindungan kehilangan wang akibat kecurian sehingga RM1,000/setiap Individu yang Diinsuranskan)</i>	Setiap Individu yang Diinsuranskan	3,000	8,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	15,000	25,000	Tidak Ada
16.	Kelewatan Penerbangan	Setiap Enam Jam Berturut-turut	200	200	200
		Setiap Individu yang Diinsuranskan	1,000	3,000	400
		Setiap Keluarga	3,000	9,000	1,200
17.	Liabiliti Peribadi		Tidak Ada	1,000,000	Tidak Ada
18.	Kesulitan Akibat Rampasan	Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	1,000 setiap hari sehingga 10,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	3,000 setiap hari sehingga 30,000	Tidak Ada
19.	Pembatalan Perjalanan <i>(Pembayaran balik untuk perbelanjaan yang telah dibuat untuk perjalanan yang dibatalkan sebelum permulaannya disebabkan oleh kejadian yang tidak diduga)</i>	Setiap Individu yang Diinsuranskan	5,000	20,000	2,500
		Setiap Keluarga	15,000	60,000	7,500
20.	Perbelanjaan Pemendekan Perjalanan <i>(Bayaran balik untuk bahagian pulangan ke atas kos bayaran terdahulu yang tidak dapat diperolehi semula, jika pemendekan perjalanan perlu dan tidak dapat dielakkan)</i>	Setiap Individu yang Diinsuranskan	5,000	20,000	2,500
		Setiap Keluarga	15,000	60,000	7,500

Manfaat		Jumlah Diinsuranskan (RM)			
		Perjalanan Luar Negara		Perjalanan Domestik	
		Essential	Supreme		
21.	Ketinggalan Penerbangan Sambungan	Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	200	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	600	Tidak Ada
22.	Terlebih Had Tempahan Perjalanan	Setiap Enam Berturut-turut	Tidak Ada	200	Tidak Ada
		Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	3,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	9,000	Tidak Ada
23.	Perjalanan Melalui Laluan Lain	Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	200	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	600	Tidak Ada
24.	Ketinggalan Perlepasan (Bayaran balik bagi keperluan perbelanjaan tambahan perjalanan dan tempat kediaman yang perlu dan wajar)	Setiap Individu yang Diinsuranskan	Tidak Ada	1,000	Tidak Ada
		Setiap Keluarga	Tidak Ada	3,000	Tidak Ada
25.	Manfaat Perlindungan Isi Rumah (Membayar kerosakan akibat kebakaran)	Setiap Isi Rumah	Tidak Ada	10,000	Tidak Ada
26.	Perlindungan Ekses Sewa Kereta (Bayaran ganti balik bagi sebarang ekses atau potongan yang wajib anda bayar)		Tidak Ada	1,000	Tidak Ada
27.	Caj Telefon Kecemasan		Tidak Ada	100	Tidak Ada
28.	Perlindungan Tambahan Secara Automatik		Sehingga 30 hari	Sehingga 30 hari	Sehingga 30 hari

Nota: Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat.

3. Berapakah Jumlah Premium Yang Perlu Saya Bayar?

Great Voyager (Polisi Perjalanan Luar Negara)

Destinasi	Jangka Masa	Essential (RM)			Supreme (RM)		
		Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami /isteri	Keluarga	Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami /isteri	Keluarga
Kawasan 1	1 - 7 hari	25.00	44.00	63.00	34.50	60.50	86.50
	8 - 14 hari	39.00	68.50	97.50	52.50	92.50	132.00
	15 - 21 hari	50.00	88.00	125.50	68.50	120.00	170.50
	22 - 28 hari	56.50	98.50	140.50	77.00	134.50	192.50
	Selepas 28 hari: Setiap Tambahan Hari	2.50	5.50	7.00	3.50	6.00	8.50
Kawasan 2	1 - 7 hari	41.50	72.50	103.50	57.00	100.00	142.50
	8 - 14 hari	63.00	110.50	158.00	86.50	151.00	215.50

Destinasi	Jangka Masa	Essential (RM)			Supreme (RM)		
		Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami / isteri	Keluarga	Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami / isteri	Keluarga
	15 - 21 hari	82.00	144.00	205.00	112.00	196.50	280.50
	22 - 28 hari	91.50	160.50	229.00	126.00	221.00	315.00
	Selepas 28 hari: Setiap Tambahan Hari	4.50	8.00	11.50	5.50	9.50	13.00

Great Voyager (Polisi Perjalanan Domestik)

Destinasi	Jangka Masa	Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami / isteri	Keluarga
Domestik	1 - 7 hari	15.50	28.00	39.00
	8 - 14 hari	23.50	41.50	58.50
	15 - 21 hari	30.50	53.50	76.00
	22 - 28 hari	34.50	60.50	86.50
	Selepas 28 hari: Setiap Tambahan Hari	2.50	5.50	7.00

Great Voyager (Polisi Tahunan)

Destinasi	Essential (RM)			Supreme (RM)		
	Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami / isteri	Keluarga	Individu yang Diinsuranskan sahaja	Individu yang Diinsuranskan & suami / isteri	Keluarga
Perjalanan Luar Negara (Kawasan 1 & 2) dan Perjalanan Domestik	242.00	382.50	542.00	298.00	523.00	748.00

Nota:

- Great Voyager bagi Polisi Tahunan akan mengikut manfaat-manfaat yang ditetapkan untuk perjalanan domestik dan manfaat terpilih untuk perjalanan luar negara, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di atas..
- Tiada cukai kerajaan akan dikenakan bagi Great Voyager bagi Polisi Luar Negara. Tetapi cukai kerajaan akan dikenakan bagi Great Voyager bagi Polisi Perjalanan Domestik and Great Voyager bagi Polisi Tahunan.

Kawasan Geografi Perjalanan

Kawasan 1 : Australia, Brunei, Cambodia, China, Hong Kong, Macau, India, Indonesia, Japan, Thailand, South Korea, Laos, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Philippines, Sri Lanka, Singapore, Taiwan and Vietnam.

Kawasan 2: Seluruh dunia TIDAK TERMASUK Israel, Cuba, Iran, Sudan, Democratic People's Republik Korea/ Korea Utara, Syria and Crimea Region of Ukraine.

4. Apakah Yuran Dan Cukai Yang Perlu Saya Bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Jumlah</u>
• Stamp Duti	: RM10
• Cukai Kerajaan	: 6% daripada premium kasar (<i>hanya untuk pembelian polisi perjalanan domestik atau polisi tahunan sahaja</i>)

5. Apakah Terma-terma Dan Syarat-syarat Utama Yang Perlu Saya Ketahui?

- Kepentingan pendedahan – anda perlu mendedahkan kesemua maklumat penting seperti pekerjaan anda dan butiran peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko dan bilangan polisi kemalangan peribadi yang ada beli dari syarikat insurans yang lain.
- Kelayakan – Anda dan pasangan anda mestilah seorang warganegara Malaysia atau penduduk tetap Malaysia atau mempunyai permit pekerjaan yang sah dan bekerja di Malaysia, berumur di antara lapan belas (18) tahun sehingga lapan puluh tahun (80). Anak anda mestilah berumur di antara satu (1) bulan sehingga lapan belas tahun (18) (atau dua puluh tiga (23) tahun jika masih belajar di institusi pengajian tinggi). Anda hanya layak membeli satu polisi untuk setiap orang yang diinsuranskan bagi perjalanan yang sama di mana setiap perjalanan mesti bermula dan berakhir di Malaysia. Jangka masa maksima untuk satu perjalanan mestilah tidak melebihi sembilan puluh (90) secara berturut-turut.
- Pembatalan Perjalanan – Sekiranya berlaku kejadian yang tidak dapat dielakkan dan berlaku pembatalan sebelum tarikh perjalanan yang telah dirancang bermula, kami akan membayar balik kerugian deposit atau perbelanjaan perjalanan atau tempat kediaman yang telah dibayar terlebih dahulu.

Untuk tuntutan:

- Hubungi kami melalui telefon, email atau secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari dari masa kerugian yang telah berlaku.
- Notis pemberitahuan perlu dibuat dengan segera apabila berlaku kemalangan/kerugian atau dalam jangka masa tempoh yang dinyatakan di dalam Syarat-Syarat Am di dalam polisi.
- Sila kemukan borang tuntutan yang lengkap bersama-sama dengan bukti dokumen yang berkaitan kepada kami.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat.

6. Apakah Pengecualian Utama Di Dalam Polisi Ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian seperti berikut:

- Peperangan, radiasi atau pencemaran radioaktif, bahan senjata nuclear.
- Bunuh diri atau tidak suaman.
- Penyakit berkaitan HIV dan / atau HIV termasuk AIDS.
- Melahirkan anak, kehamilan, keguguran atau sebarang komplikasi berkaitan.
- Pra-syarat sedia ada fizikal atau keadaan perubatan atau kecacatan fizikal atau kelemahan/kelemahan mental.
- Kecederaan diri sendiri yang disengajakan dan mencetuskan pembunuhan atau serangan.
- Melibatkan diri dalam activity yang berbahaya.
- Kegiatan jenayah atau menyalahi undang-undang.
- Nuklear, kimia atau keganasan biologi.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian.

7. Bolehkan Saya Membatalkan Polisi Saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Dengan pembatalan, anda berhak untuk mendapat pemulangan premium bagi tempoh insurans yang belum tamat tempoh, dikira berdasarkan kadar tempoh jangka pendek dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh insurans dan tertakluk kepada premium pengekal minimum seperti berikut:

- a) Perjalanan sehala – individu; RM10
- b) Perjalanan sehala – keluarga; RM20
- c) Perjalanan tahunan – individu / keluarga; RM50

8. Apakah Yang Perlu Saya Lakukan Sekiranya Terdapat Perubahan Maklumat Hubungan / Butiran Peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan dalam profil peribadi anda termasuk perkerjaan dan maklumat peribadi yang boleh menjejaskan profil risiko.

9. Di Manakah Saya Boleh Mendapatkan Maklumat Lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan peribadi, sila rujuk kepada buku *insuranceinfo* di bahagian “Insurans Kemalangan Peribadi” yang terdapat di ke semua cawangan kami atau boleh anda juga boleh melawat sesawang www.insuranceinfo.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di alamat / talian berikut:

Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad

Tingkat 18 Menara Great Eastern 303 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur

Tel : +603 4259 8888

Fax : +603-48130055

Email : gicare-my@greasterngeneral.com

Great Eastern General Insurance (Malaysia) Berhad (102249-P) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

10. Apakah Perlindungan Kemalangan Peribadi Lain Yang Di Dapati?

Anda boleh menghubungi kami secara langsung untuk perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

1. **ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA MANFAAT KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI ANDA. ANDA HARUSLAH MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI MENGENAI POLISI KEMALANGAN YANG ANDA TELAH BELI DAN FAHAM AKAN POLISI INSURANS ATAU BOLEH MENGHUBUNGI CAWANGAN KAMI SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**
2. **UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN TUNTUTAN KEPADA PENAMA/PEMEGANG AMANAH, ANDA PERLU LAH MEMULANGKAN KEMBALI BORANG “PERLANTIKAN/PERTUKARAN PENAMA/PEMEGANG AMANAH” YANG LENGKAP DALAM BENTUK SALINAN ASAL KEPADA KAMI DALAM TEMPOH 30 HARI SELEPAS PEMBELIAN.**
3. **KONTRAK PENGGUNA INSURANS**
Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon untuk Insurans ini penuh untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai tugas untuk mengambil perhatian yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila

anda memohon untuk insurans ini). Anda perlu menjawab soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil pertimbangan sewajarnya sebelum anda menjawab soalan boleh mengakibatkan mengelakkan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda

Kewajipan atas pendedahan hendaklah berterusan sehingga masa kontrak anda insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Selain menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu yang relevan kepada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak anda insurans telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau mempunyai perubahan.

4. KONTRAK INSURANS BUKAN PENGGUNA

Menurut kepada perenggan 4(1), Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Anda berada dibawah kewajipan untuk mendedahkan kepada syarikat penanggung insurans yang perkara itu (a) anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan syarikat penanggung insurans sama ada untuk menerima risiko atau tidak, dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seseorang yang munasabah dalam keadaan yang anda boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kegagalan untuk mengambil pertimbangan sewajarnya sebelum anda menjawab soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan atas pendedahan hendaklah berterusan sehingga masa kontrak anda insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa jikalau maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan adalah tidak tepat atau mempunyai segala perubahan selepas kontrak anda insurans telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon untuk insurans ini).

Sekiranya berlaku kekeliruan, percanggahan atau peninggalan antara teks Bahasa Inggeris dengan teks terjemahan lain, teks Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Maklumat di dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah mulai 8 Oktober 2018.